DEMOKRASI BERPARLIMEN

- Malaysia mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen di bawah pentadbiran Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara.

- Sistem itu merujuk kepada:
  - Perundangan
  - Kehakiman
  - Eksekutif (Pentadbiran)

- Malaysia mengamalkan sistem demokrasi berasaskan kepada sistem persekutuan. Berdasarkan peruntukan ini, semua negeri kecuali 3 wilayah (Kuala Lumpur, Labuan & Putrajaya) bersetuju dengan konsep penubuhan negara Malaysia.

- Negeri-negeri terbabit menyerahkan sebahagian kuasa seperti kewangan, pertahanan, pelajaran & luar negara seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan untuk ditadbir oleh Kerajaan Pusat.

AMALAN NILAI MURNI

- Baik Hati
- Kebebasan
- Berdikari
- Hemah Tinggi
- Hormat-menghormati
- Kasih Sayang
- Kesyukuran
- Kebersihan Fizikal & Mental
- Keberanian
- Keadilan
- Kejujuran
- Kerajinan
- Kesederhanaan
- Kerjasama
- Rasional
- Semangat Bermasyarakat
- Patriotisme

Rakyat perlu menghayati setiap elemen yang dinyatakan sebagai prinsip asas perpaduan dan pembinaan negara bangsa di Malaysia.

PRINSIP ASAS PERPADUAN

R.015 (B.M) NOVEMBER 2024 (120.)

TERBITAN
JABATAN PENERANGAN MALAYSIA
KEMENTERIAN KOMUNIKASI

Jabatan Penerangan Malaysia JapenTV
@JPenerangan Jabatan Penerangan Malaysia
japenmalaysia Jabatan Penerangan Malaysia

www.penerangan.gov.my
dbook.penerangan.gov.my
webmaster@inform.gov.my

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

1. Undang-undang tertinggi di Malaysia.
2. Dokumen undang-undang bertulis yang dibentuk berasaskan kepada 2 dokumen terdahulu iaitu Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 & Perlembagaan Kemerdekaan 1957.
3. Mengandungi 15 bahagian, 183 perkara & 13 jadual.
4. Secara ringkas menyentuh aspek bidang kuasa eksekutif, legislatif, kehakiman, kedudukan agama Islam, kewarganegaraan, bahasa kebangsaan, kedudukan istimewa orang Melayu & bumiputera di Sabah & Sarawak.

RAJA BERPERLEMBAGAAN

1. Yang di-Pertuan Agong dipilih dalam kalangan 9 raja Melayu daripada 9 negeri secara bergilir-gilir.
2. Di peringkat persekutuan, Yang di-Pertuan Agong bertindak atas nasihat Jemaah Menteri yang diketuai oleh Perdana Menteri bagi semua perkara kecuali beberapa perkara yang disebut sebagai kuasa budi bicara.
3. Menerusi sistem Raja Berperlembagaan, Raja-Raja bagi negeri-negeri hendaklah bertindak atas nasihat Majlis Eksekutif yang diketuai oleh Menteri Besar.
4. Raja bertindak mengikut peruntukan perlembagaan yang telah ditetapkan sekali gus menutup ruang kepada kuasa mutlak.

RUKUN NEGARA

- Kepercayaan Kepada Tuhan
- Kesetiaan Kepada Raja dan Negara
- Keluhuran Perlembagaan
- Kedaulatan Undang-Undang
- Kesopanan dan Kesusilaan

"Cita-cita dan aspirasi yang terkandung dalam Rukun Negara merupakan kunci keharmonian dan perpaduan rakyat demi kejayaan dan kestabilan Malaysia."